UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
21030 KUALA NERUS, TERENGGANU, MALAYSIA
+609-633 4111
www.umt.edu.my
pejabat.bendahari@umt.edu.my
PEJABAT BENDAHARI
BURSAR OFFICE

Rujukan kami : **UMT/BEND/100-4/5 JLD.2(11)**
Tarikh : **29 Julai 2026**
Bersamaan : **15 Safar 1448H**

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Malaysia Terengganu

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

Y.Bhg. Dato' / Prof. / Tuan / Puan,

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 1 TAHUN 2026

PENAMBAHBAIKAN KADAR ELAUN PERJALANAN KENDERAAN (EPK) BAGI PEGAWAI UMT BERDASARKAN PEKELILING PERBENDAHARAAN (PP) WP1.4 UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan tentang penambahbaikan kadar elaun perjalanan kenderaan (EPK) bagi Pekeliling Perbendaharaan (PP) WP1.4: Kemudahan Bertugas Rasmi dan Berkursus Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

2. LATAR BELAKANG

2.1 Pejabat Bendahari telah mengeluarkan Pekeliling Bendahari Bil. 1 Tahun 2026 – Peraturan Kemudahan Bertugas Rasmi dan Berkursus Bagi Pegawai Universiti Malaysia Terengganu (UMT) di Bawah Pekeliling Perbendaharaan (PP) WP1.4 pada 15 April 2026.

2.2 Walaubagaimanapun, kadar EPK tersebut telah ditambahbaik oleh Kementerian Kewangan melalui surat edaran yang dikeluarkan bagi menangani isu kenaikan/ketidak tentuan harga minyak di pasaran global.

2.3 Penambahbaikan kadar ini telah diperaku dan diluluskan oleh jawatankuasa berikut:

a. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) UMT Kali Ke-78 Bil.2 Tahun 2026 yang bersidang pada 6 Mei 2026; dan

b. Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK) Kali ke-74 (Bil. 3 Tahun 2026) pada 19 Julai 2026.

3. KADAR ELAUN PERJALANAN KENDERAAN (EPK)

Kadar elaun perjalanan kenderaan (EPK) Universiti Malaysia Terengganu adalah sepertimana berikut:

Jarak Perjalanan Bertugas Rasmi Bagi Tiap-Tiap Satu Bulan (KM)	**Jenis Kenderaan**	**Asal**	**Pindaan**
		Kadar EPK mulai tuntutan perjalanan April 2026 (RM)	**Kadar EPK mulai tuntutan perjalanan Julai 2026 (RM)**
500 KM pertama	Kereta	0.90	**1.00**
	Motosikal	0.60	**0.65**
501 KM dan seterusnya	Kereta	0.80	**0.90**
	Motosikal	0.50	**0.55**

4. TARIKH KUATKUASA

4.1 Surat Pekeliling ini berkuatkuasa bagi tuntutan perjalanan mulai Julai 2026 dan ianya perlu dibaca bersama Pekeliling Bendahari Bil. 1 Tahun 2026 – Peraturan Kemudahan Bertugas Rasmi dan Berkursus Bagi Pegawai Universiti Malaysia Terengganu (UMT) di Bawah Pekeliling Perbendaharaan (PP) WP1.4 yang dikeluarkan pada 15 April 2026.

4.2 Surat Pekeliling bagi pindaan kadar EPK ini hanya berkuatkuasa bagi tempoh tertentu sahaja sehingga harga minyak global kembali kepada sedia kala.

Sekian, terima kasih.

"KEBERSAMAAN UMT"
"MALAYSIA MADANAI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

TUAN HAJI MOHD RIDUAN BIN MOHAMED RAKHAZALI C.A. (M)
Bendahari
Universiti Malaysia Terengganu

s.k:
1. Naib Canselor
2. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
3. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
4. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
5. Fail